

Maklumbalas Pengguna (Suara Anda)

Senarai cadangan yang dipaparkan ini adalah cadangan orang awam yang telah dikemukakan melalui Borang Maklumbalas di Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Perak. Setiap cadangan yang telah diambil tindakan akan dipaparkan di ruangan ini. Terima kasih di atas sokongan anda.

Maklumbalas Bagi September 2016			
Bil.	Penghantar	Maklumbalas	Jawapan
1.	Adibah Samiehan 26/9/2016	<p>Assalam ustaz. Saya ada soalan nak tanya...</p> <p>Rahang bawah saya tak normal. Apa hukum saya buat pembedahan untuk buang rahang bawah supaya jadi normal.</p> <p>Doktor cakap ini kes cacat ikut genetik keluarga.</p> <p>Saya sangat malu dan rendah diri untuk berhadapan dengan orang sebab selalu diejek dagu terlalu panjang.</p> <p>Apa hukum potong rahang untuk betulkan kedudukan gigi? Sebab rahang panjang menyebabkan bentuk muka jadi panjang, gigi tidak tersusun dan mulut bawah keluar ke depan. Melalui pembacaan saya kes ini termasuk dalam kecacatan ikut genetik keluarga..</p>	<p>Wa'alaikumussalam w.b.t..</p> <p>Terima kasih kerana menggunakan Borang Maklumbalas Pengguna laman web Jabatan Mufti Negeri Perak.</p> <p>Untuk makluman puan, pembedahan untuk memperbaiki kecacatan yang sedia ada adalah HARUS seperti kes yang dialami oleh puan.</p> <p>WaAllahu a'lam.</p> <p>Terima kasih.</p>